

## **Sumber berita: Analisis isi kandungan empat akhbar harian nasional Malaysia**

**Mus Chairil Samani\***

### **Pengenalan**

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik sumber yang menjadi pilihan utama di kalangan wartawan tempatan dalam melaporkan berita yang tersiar dalam akhbar *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, *New Straits Times*, dan *The Star*. Sumber dalam kajian ini didefinisikan sebagai orang, organisasi, atau dokumen yang menjadi punca bahan-bahan yang digunakan dalam penulisan berita.

### **Permasalahan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menentukan apakah sumber yang menjadi pilihan utama di kalangan wartawan tempatan dalam melaporkan berita tempatan di halaman pertama akhbar *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, *News Straits Times*, dan *The Star* sepanjang tahun 1990.

Akhbar menyiarkan berbagai-bagai judul berita setiap hari. Berita-berita ini daripada berbentuk berita pentadbiran kerajaan sehingga kepada kehidupan peribadi seseorang individu itu dicakupi oleh berita akhbar. Walau apapun isu yang disentuh, terdapat satu elemen yang sentiasa wujud dalam semua berita ini. Elemen itu ialah sumber berita. Sumber itu dapat dibahagikan kepada sumber terpilih dan sumber pilihan. Sumber terpilih berkait rapat dengan "kuasa" yang

---

\* Penulis berkhidmat sebagai seorang pensyarah dalam bidang kewartawanan di Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan. Beliau memegang ijazah Master of Science dalam bidang kewartawanan dan komunikasi massa dari Iowa State University, Ames.

dimiliki oleh sumber itu. Mereka ini mungkin saja dalam sistem sosial, ekonomi, politik, dan budaya, seperti yang disebut oleh Gans (1980) dalam kajiannya tentang berita.

Sumber pilihan pula terdiri daripada orang atau benda yang tidak termasuk dalam penggolongan di atas. Yang membezakan golongan elit daripada golongan-golongan lain ialah tahap kekuasaan itu yang bercirikan konflik dan pergeseran sama ada bersifat aktif ataupun terpendam.

Apa atau siapa sekalipun yang menjadi sumber pilihan wartawan, "kuasa" yang dimiliki oleh sumber itu sebenarnya menghidupkan berita tulisan seseorang wartawan itu. Seperti kata sarjana kewartawanan Barat, Leon Sigal (dalam Manoff & Schudson 1987: 8) bahawa "berita itu sebenarnya apa yang dikatakan oleh sumber."

Dalam meliputi sesuatu peristiwa akhbar memilih sumber untuk siaran. Pemilihan ini bererti tidak semua berita yang dihasilkan oleh pemberita atau wartawan sama ada oleh staf organisasi itu atau oleh agensi-agensi berita yang dilanggani oleh syarikat akhbar akan dipilih untuk siaran. Begitu juga bukan semua sumber yang telah dipilih oleh pemberita akan berpeluang untuk menatap bahan ucapan mereka tersiar di dalam akhbar. Yang menentukan bentuk akhir sesuatu akhbar itu bukan terletak seratus peratus kepada pemberita yang membuat liputan berita, tetapi dikongsi bersama dengan editor dalam sesuatu penerbitan itu. Maksudnya, editor akan membentuk kandungan sesuatu akhbar itu sehari-hari berdasarkan input dari pemberita. Editor ini pula terpaksa memilih berita-berita yang ditulis oleh staf serta berita yang mencurah-curah dari mesin-mesin teleks dari pelbagai agensi berita.

Pemberita yang mengumpulkan bahan bergantung kepada sumber bagi mendapatkan fakta dan maklumat. Fakta dan maklumat ini kemudiannya akan diolah semula menjadi berita. Sumber yang digunakan oleh pemberita akan mempengaruhi kandungan akhbar. Dalam setengah-setengah hal, sumber dengan bijak menggunakan wartawan demi kepentingan peribadinya. Ditinjau dari sudut lain, wartawan itu umpsama alat untuk sesuatu golongan bagi mengukuhkan "kuasa" mereka. Sumber akhbar kini tidak lagi dapat dilihat sebagai entiti yang pasif kerana ada sumber yang bersifat aktif. Sumber kini mempunyai kemudahan dan berkemampuan untuk memperoleh khidmat agensi perhubungan awam untuk membentuk imej mengikut kehendak mereka. Maka, mereka dengan sengaja menyusun strategi dan pendekatan tertentu untuk menonjolkan diri mereka kepada publik, dan wartawan hanya bertindak sebagai orang tengah dalam pasaran perebutan kuasa di kalangan sumber berita.

Sumber yang menggunakan khidmat agensi-agensi perhubungan awam merancangkan peristiwa-peristiwa untuk menarik perhatian wartawan supaya meliputi aktiviti tersebut. Ertinya, sumber membuka peluang kepada wartawan untuk menghampiri mereka. Keadaan ini penting kerana wartawan tidak mungkin memperoleh berita yang baik tanpa berpeluang menemui sumber beritanya. Sumber seumpama ini menarik perhatian wartawan sebab mereka itu terdiri daripada golongan yang berkuasa ataupun yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat

seperti pemimpin kesatuan sekerja, pemimpin perniagaan, pemimpin parti politik, dan lain-lain lagi. Golongan ini mempunyai nilai berita kerana kuasa yang berbentuk kedudukan tinggi dalam masyarakat seperti pangkat, status, nilai kebendaan ataupun kepakaran yang dimiliki oleh golongan itu. Keadaan ini menggambarkan perbezaan kelas tinggi, menengah, dan rendah yang wujud di dalam masyarakat. Apakah perbezaan kelas dalam masyarakat ini wujud juga dalam pemilihan sumber bagi laporan akhbar?

Memandangkan golongan dalam kelas elit mempunyai "kuasa," apakah keadaan ini mewujudkan penekanan yang berat sebelah terhadap golongan seumpama ini, dalam liputan berita sehari-hari? Yang tergolong dalam golongan elit ini termasuklah golongan pentadbir negara daripada Perdana Menteri sehingga para pegawai kerajaan dari kumpulan A di bawah sistem perkhidmatan awam lama. Kalau dalam Sistem Saran Baru, para pegawai yang menjadi sasaran wartawan sebagai sumber berita mereka ialah yang tergolong dalam kumpulan pengurusan serta profesional. Golongan ketiga dalam sistem perkhidmatan kerajaan iaitu kumpulan khidmat sokongan terkecuali dalam penggolongan ini kerana tahap kuasa yang lebih rendah berbanding dua kelompok yang terdahulu.

Mungkinkah penekanan yang berlebihan terhadap golongan elit ini berlaku dalam penggunaan dan pemilihan sumber oleh wartawan? Perbezaan ini dilihat dari konteks penggunaan sumber dalam berita harian-harian nasional: *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, *New Straits Times*, dan *The Star*. Gejala berat sebelah ini sememangnya wujud dalam laporan media di Amerika Syarikat (lihat kajian Brown, Bybee, Wearden, & Straghan 1987; Culbertson 1975; dan Gans 1980).

Bagaimanakah pula dengan sumber-sumber berita pilihan? Sejauh manakah golongan ini digunakan dalam pemberitaan. Jawaban kepada persoalan-persoalan ini merupakan penyelesaian kepada kegusaran tokoh wartawan Tan Sri A. Samad Ismail (1992) bahawa mutu kewartawanan khususnya akhbar berbahasa Melayu di negara ini menurun sejak akhir-akhir ini. Mungkinkah penurunan yang diperhatikan oleh Samad Ismail itu berlaku kerana penggunaan sumber yang sama terlalu kerap sehingga sumber itu sudah bersifat basi dan tidak lagi mempunyai nilai berita, tetapi mereka tetap mendapat liputan kerana golongan ini memudahkan kerja-kerja seorang wartawan itu?

Begitu juga perbezaan sistem media separuh bebas yang menjadi amalan di Malaysia yang berbeza daripada amalan kewartawanan bebas negara-negara Barat memerlukan penitian khusus tentang perkara ini kerana kesannya terhadap liputan berita itu. Dengan mengambil kira sistem media di negara ini, maka pengkaji menggunakan perspektif media negara membangun sebagai landasan utama kajian ini.

### **Soalan-soalan Kajian**

- (i) Apakah purata sumber yang digunakan di dalam sesuatu berita?
- (ii) Apakah jenis-jenis sumber yang dipilih oleh wartawan. Jenis-jenis sumber terbahagi kepada sumber terpilih, sumber pilihan bernyawa, dan sumber

- pilihan tidak bernyawa?  
(iii) Apakah status sumber yang menjadi pilihan wartawan?

### Metodologi Kajian

Analisis isi kandungan digunakan sebagai kaedah kajilidikan. Kaedah analisis isi kandungan didefinisikan sebagai "kaedah kajilidikan untuk menggambarkan secara objektif, sistematik, dan kuantitatif kandungan yang tersurat dalam sesuatu komunikasi" (Berelson 1952: 18). Kaedah ini bersesuaian dengan permasalahan kajian iaitu mengkaji sumber-sumber yang digunakan dalam berita-berita yang telah tersiar dalam akhbar.

Populasi kajian ini terdiri daripada halaman pertama keempat-empat akhbar tersebut sepanjang tahun 1990. Populasi keempat-empat akhbar ini tidak termasuk akhbar keluaran hari Ahad, iaitu *New Sunday Times*, *The Sunday Star*, *Berita Minggu*, dan *Mingguan Malaysia* kerana nama dan isi kandungannya yang berbeza. Selain daripada itu, sidang pengarang berasingan ditugaskan untuk mengendalikan penerbitan akhbar edisi hari minggu.

Dua belas keluaran setiap akhbar dicabut daripada populasi untuk membentuk dua minggu berstruktur. Dengan sampel ini, setiap hari dalam seminggu itu, yang tidak termasuk hari Ahad diwakili oleh dua hari cabutan. Setiap hari Isnin mempunyai dua keluaran, setiap hari Selasa mempunyai dua keluaran dan begitulah seterusnya sehingga hari Sabtu. Penggunaan 12 sampel bagi membentuk dua minggu berstruktur merupakan pilihan pengkaji-pengkaji sumber akhbar seperti Brown et al. (1987), Riffle (1980), dan Culbertson (1975).

### Kategori Kajian

Sumber terpilih dalam kajian ini didefinisikan sebagai punca berita yang kerap digunakan sehingga menjadi amalan biasa termasuklah sumber berita yang diperoleh dari kawasan tugas (beat, pejabat-pejabat kerajaan, pegawai-pegawai perhubungan awam, pemimpin sektor perniagaan, kesatuan sekerja, dan parti politik).

Dalam membentuk kategori bagi sumber terpilih, pengkaji mengubahsuaikan kategori-kategori yang pernah digunakan oleh Gans (1980). Pengubahsuaihan ini untuk menepati ciri-ciri struktur pentadbiran awam dan sistem sosial di Malaysia. Sumber dari kategori sumber terpilih dikodkan berdasarkan kategori-kategori berikut:

- (a) *Menteri Perdana*: Sumber yang tergolong dalam kategori ini termasuklah menteri perdana, timbalan menteri perdana, presiden dan timbalan presiden. Negara yang diwakili oleh pemegang jawatan ini tidak diambil kira.
- (b) *Menteri Pusat*: Sumber yang tergolong dalam kategori ini termasuklah menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, setiausaha negara bertaraf menteri, duta bertaraf menteri, setiausaha-setiausaha bertaraf

- menteri di peringkat kerajaan pusat. Negara yang diwakili oleh pemegang jawatan ini tidak diambil kira.
- (c) *Menteri Negeri*: Sumber yang tergolong dalam kategori ini termasuklah ketua menteri, menteri besar, anggota exco kerajaan kerajaan negeri, gabenor bertaraf menteri negeri, setiausaha-setiausaha bertaraf menteri negeri. Negeri yang diwakili oleh pemegang jawatan ini tidak diambil kira.
- (d) *Pegawai Kerajaan*: Sumber yang tergolong dalam kategori ini termasuklah para pegawai dari semua peringkat perkhidmatan baik dari peringkat pengurusan, profesional, atau sokongan. Para pegawai itu bolch sahaja berkhidmat di peringkat kementerian, jabatan, dan agensi, sama ada di peringkat pusat ataupun negeri. Termasuk dalam kategori ini ialah para pegawai dalam syarikat kerajaan yang diperbadankan berdasarkan akta-akta parlimen. Negara yang diwakili oleh pemegang jawatan ini tidak diambil kira.
- (e) *Profesional*: Sumber yang tergolong dalam kategori ini termasuklah pakar-pakar dalam pelbagai bidang ataupun pakar-pakar organisasi/pertubuhan dunia, kecuali pakar-pakar yang berkhidmat dengan kerajaan baik yang di peringkat pusat atau negeri. Negara yang diwakili oleh pemegang jawatan ini tidak diambil kira.
- (f) *Pemimpin*: Sumber yang tergolong dalam kategori ini termasuklah para syarikat swasta dari peringkat pengurus atau pengurus eksekutif sehingga eksekutif syarikat. Sumber dalam kategori ini termasuklah juga pemimpin dalam kesatuan-kesatuan sekerja, persatuan-persatuan, dan organisasi-organisasi sosial, ekonomi, politik, dan budaya. Negara yang diwakili oleh pemegang jawatan ini tidak diambil kira.
- (g) *Sumber Terpilih Lain*: Sumber yang tergolong dalam kategori ini terdiri daripada sumber-sumber yang tidak dapat digolongkan dalam mana-mana kategori sebelum ini.

*Sumber pilihan bernyawa* dalam kajian ini didefinisikan sebagai punca berita yang tidak diperoleh menerusi amalan biasa dan bersifat hidup dan bersifat manusia. Sumber dalam kategori ini dikodkan berdasarkan kategori-kategori berikut:-

- (a) *Mangsa*: Sumber yang tergolong dalam kategori ini ialah orang yang menjadi korban kemalangan, kecurian, penipuan, kebakaran, perperangan, bencana alam, dan sasaran perbuatan khianat atau jenayah termasuk keluarga dan kenalan seseorang mangsa itu.
- (b) *Tertuduh*: Sumber yang tergolong dalam kategori ini ialah orang-orang yang telah, sedang, dan akan menghadapi tuduhan dalam mahkamah sama ada bersabit kes jenayah ataupun sivil.
- (c) *Pekerja*: Sumber yang tergolong dalam kategori ini ialah buruh syarikat swasta atau kerajaan, serta pekerja dalam peringkat sokongan di pejabat kerajaan atau syarikat swasta.

- (d) *Pelajar*: Sumber yang tergolong dalam kategori ini ialah murid di sekolah rendah dan menengah anjuran kerajaan atau swasta; mahasiswa di semua institusi pengajian tinggi anjuran kerajaan ataupun swasta.
- (e) *Orang Aneh*: Sumber yang tergolong dalam kategori ini ialah orang terlibat dalam pelakuan-pelakuan aneh, termasuk yang terlibat dalam hobi-hobi ganjil, dan segala sesuatu perbuatan yang pelik-pelik.
- (f) *Sumber Rahsia*: Sumber yang tergolong dalam kategori ini ialah sumber orang yang tidak dinyatakan oleh wartawan nama mereka secara jelas dalam berita demi menjaga kesejahteraan punca beritanya itu.

*Sumber pilihan tidak bernyawa* dalam kajian ini didefinisikan sebagai punca berita yang tidak diperoleh menerusi amalan biasa dan bersifat tidak bernyawa, sekiranya bernyawa benda itu bersifat haiwan. Sumber dalam kategori ini dikodkan berdasarkan kategori-kategori berikut:

- (a) *Agensi Berita*: Sumber yang tergolong dalam kategori ini ialah berita yang berpuncakan laporan agensi berita. Agensi berita ialah syarikat-syarikat pembekal berita yang menghantar laporan berita secara elektronik dengan menggunakan peralatan teleks ataupun radio foto kepada syarikat media yang melanggarinya.
- (b) *Akhbar*: Sumber yang tergolong dalam kategori ini ialah berita yang berpunca daripada laporan-laporan yang tersiar dalam akhbar. Akhbar ditakrifkan sebagai penerbitan secara berkala mengandungi pelbagai maklumat yang dicetak sama ada oleh syarikat milik kerajaan ataupun swasta.
- (c) *Majalah/Buku*: Sumber yang tergolong dalam kategori ini ialah berita yang berpunca daripada laporan atau kandungan yang tersiar dalam majalah ataupun buku. Majalah ditakrifkan sebagai penerbitan secara berkala yang mengandungi pelbagai maklumat yang ditujukan kepada publik khusus dan dicetak sama ada oleh syarikat milik kerajaan ataupun swasta. Buku pula ditakrifkan sebagai penerbitan tak berkala mencakupi sesuatu tema khusus bagi masyarakat pembaca khusus serta dalam bentuk bercetak.
- (d) *Radio/TV*: Sumber yang tergolong dalam kategori ini ialah berita yang berpuncakan laporan radio dan televisyen. Radio ialah sistem pemancaran maklumat termasuk hiburan secara bunyi-bunyian yang dipancarkan menerusi gelombang radio sama ada AM atau FM. Televisyen ialah sistem pemancaran maklumat termasuk hiburan secara bunyi-bunyian dan gambar yang dipancarkan menerusi gelombang udara.
- (e) *Laporan*: Sumber yang tergolong dalam kategori ini ialah berita yang berpuncakan laporan-laporan yang dikeluarkan oleh agensi kerajaan atau swasta secara berkala.

*Status* dalam kajian ini didefinisikan sebagai kedudukan seseorang itu dalam hierarki sesuatu organisasi itu. Kriteria dalam menyusun taraf sumber dibuat berdasarkan elemen kuasa. Kuasa di sini dilihat dari segi keputusan membuat, keputusan mengesyorkan, dan keputusan melaksanakan semua putusan. Status dalam kajian ini dikodkan kepada:

- (a) *Kumpulan Pengurusan*: Golongan dalam kategori ini terdiri daripada yang membuat putusan (decision makers) dalam sesuatu organisasi itu.
- (b) *Kumpulan Profesional*: Golongan dalam kategori ini walaupun terdiri daripada yang pakar dalam sesuatu bidang itu tetapi dibezakan berdasarkan kekurangan mereka yang tidak boleh membuat keputusan berhubung dengan dasar dan perlaksanaan sesuatu perkara itu. Mereka ini hanya mengesyorkan langkah atau tindakan yang bersetujuan.
- (c) *Kumpulan Sokongan*: Golongan dalam kategori ini terdiri daripada mereka yang tidak membuat keputusan dan mempunyai tahap pendidikan yang bersifat umum. Mereka juga tidak mengesyorkan sesuatu tindakan tetapi melaksanakannya sahaja.
- (d) *Jawatan Tidak Jelas*: Kategori ini diwujudkan untuk memasukkan sumber yang menyatakan secara jelas organisasi yang dianggotai oleh sesuatu sumber itu tetapi tidak menjelaskan jawatan orang itu dalam hierarki sesuatu organisasi itu.
- (e) *Lain-Lain*: Kategori ini diwujudkan untuk sumber-sumber berita yang tidak bernyawa seperti dokumen, laporan dan sebagainya.

### **Hasil Kajian**

Daripada sejumlah 48 halaman pertama daripada keempat-empat akhbar yang disampel, sejumlah 301 berita telah dikumpul dan dianalisis. Sejumlah 96 berita dari akhbar *Berita Harian*, 89 dari *The New Straits Times*, 83 dari *Utusan Malaysia*, dan 33 dari *The Star*.

#### **Soalan Kajian 1: Berapa banyaknya sumber digunakan dalam sesuatu berita?**

Berita yang disiarkan oleh keempat-empat akhbar itu kebanyakannya menggunakan 1 sumber berita. Daripada 301 berita yang dianalisis 225 (74.8%) menggunakan 1 sumber berita cuma 6 (2.0%) berita saja yang menggunakan 5 sumber berita. Lihat Jadual 1 untuk kekerapan penggunaan sumber daripada 301 berita yang disampel.

Ujian khi-kuasa dua menunjukkan perbezaan signifikan dari segi bilangan penggunaan sumber dalam sesuatu berita itu, sila lihat Jadual 1. Maksudnya, terdapat perbezaan dari segi bilangan penggunaan sumber dalam sesuatu berita itu. Tujuh puluh empat peratus daripada berita yang dianalisis menggunakan satu sumber berita. Walau bagaimanapun, bilangan berita yang menggunakan dua

sumber tidak jauh berbeza daripada andaian pengkaji. Seperkara yang menarik, penggunaan dua dan lebih sumber dalam sesuatu berita didapati tidak begitu diminati oleh keempat-empat akhbar itu.

Jadual 1: Kekerapan penggunaan sumber dalam penulisan berita

Bilangan sumber	Kekerapan olehan	Peratusan
1	225	74.8
2	53	17.6
3	9	3.0
4	8	2.7
5	6	2.0
<b>Jumlah</b>	<b>301</b>	<b>100.0</b>

$$X^2 = 589.61, DK = 4, \text{ Paras Keertian} = 0.001$$

#### Soalan Kajian 2: Apakah Jenis Sumber Yang Dipilih Wartawan?

Dalam menguji jenis sumber yang menjadi pilihan wartawan dalam liputan sehari-hari, pengkaji menggunakan angkubah sumber yang terbahagi kepada sumber terpilih dan sumber pilihan beryawa dan sumber pilihan tidak beryawa. Sejumlah 413 jenis berita dianalisis dengan pecahan seperti berikut 308 (74.5%) sumber terpilih, 61 (14.8%) sumber pilihan beryawa dan 44 (10.7%) sumber pilihan tidak beryawa. Lihat Jadual 2. Ujian statistik yang dijalankan menunjukkan perbezaan signifikan. Ertinya, sumber terpilih merupakan pilihan utama wartawan dalam tugas melaporkan berita sehari-hari. Sementara itu, sumber pilihan beryawa merupakan pilihan kedua dan sumber pilihan tidak beryawa sebagai pilihan ketiga wartawan dalam melaporkan berita setiap hari. Secara amnya, sumber beryawa sentiasa mendapat keutamaan dalam liputan berita di halaman pertama keempat-empat akhbar yang dikaji.

Jadual 2: Perbezaan kekerapan berdasarkan sumber

	Kekerapan olehan	Peratus
Sumber terpilih	308	74.5
Sumber pilihan Bernyawa	61	14.8
Tidak beryawa	44	10.7
<b>Jumlah</b>	<b>413</b>	<b>100.0</b>

$$X^2 = 302.76, DK = 2, \text{ Paras Keertian} = 0.001$$

**Soalan kajian 2(a): Apakah jenis sumber terpilih yang menjadi pilihan wartawan?**

Dalam menguji jenis sumber terpilih yang menjadi pilihan wartawan dalam liputan sehari-hari, pengkaji menceliti tujuh kategori yang diwujudkan. Seperti yang dinyatakan dalam ujian statistik terawal, terdapat 308 sumber terpilih yang telah dikenal pasti daripada 420 sumber keseluruhannya. Untuk pecahan bagi setiap kategori dalam sumber terpilih. Sila lihat Jadual 3.

Pengkaji juga menggunakan ujian statistik khi-kuasa dua yang didapati signifikan. Ini bermakna, perbezaan antara kekerapan yang diperhatikan dan kekerapan jangkaan dalam ketujuh-tujuh kategori itu terlalu besar untuk dikatakan sebagai berlaku secara kebetulan semata-mata, seperti kata Hinkle et al. (1988: 556).

Maksudnya, para pegawai kerajaan merupakan sumber terpilih yang utama di kalangan wartawan keempat-empat akhbar harian itu dalam mencari bahan bagi berita. Sumber-sumber terpilih mengikut susunan keutamaan ialah pemimpin, menteri pusat, dan menteri perdana. Perbezaan ketara ini berkait rapat dengan bilangan yang memegang jawatan dalam keempat-empat kategori ini. Bilangan paling besar terdapat dalam kategori-kategori ini ialah pegawai kerajaan; kedua, pemimpin dalam syarikat swasta mahupun syarikat milik kerajaan; ketiga, menteri pusat, dan keempat menteri perdana.

Jadual 3: Pemilihan kategori sumber terpilih oleh wartawan

Jenis	Kekerapan oleh	Peratus
Menteri Perdana	47	15.26
Menteri Pusat	48	15.58
Menteri Negeri	7	2.27
Pegawai Kerajaan	121	39.29
Profesional	14	4.55
Pemimpin	69	22.40
Sumber terpilih Lain	2	0.65
<b>Jumlah</b>	<b>308</b>	<b>100.00</b>

$$X^2 = 756.69, DK = 6, \text{Paras Keertian} = 0.001$$

**Soalan kajian 2(b): Apakah jenis sumber pilihan bernyawa yang menjadi pilihan wartawan?**

Dalam menguji jenis sumber pilihan yang digunakan oleh wartawan, pengkaji menguji sumber pilihan bernyawa secara berasingan daripada sumber pilihan tidak bernyawa. Seperti yang telah dinyatakan dalam ujian statistik terawal terdapat 61 sumber pilihan bernyawa daripada enam kategori yang diwujudkan bagi pecahan

ini. Pengasingan sumber pilihan tidak bernyawa seperti agensi berita, objek, binatang, benda abstrak serta selainnya daripada analisis ini untuk mengelakkan data itu mempengaruhi hasil ujian statistik.

Ujian statistik yang dijalankan oleh pengkaji menunjukkan perbezaan signifikan. Maksudnya, wartawan keempat-empat akhbar lebih cenderung menggunakan sumber pilihan yang berupa sumber rahsia, sebagai pilihan utama dalam penulisan berita sekiranya sumber-sumber lain tidak dapat memberikannya berita. Sumber pilihan kedua, dan ketiga, ialah sumber mangsa dan pekerja. Sumber rahsia digunakan tanpa memerlukan wartawan menyatakan identiti sumbernya. Mangsa dalam kejadian mala petaka dan kemalangan juga mendapat perhatian penulis keempat-empat akhbar sebagai bahan penulisan minat insani (human interest). Pekerja biasa yang termasuk peniaga kecil-kecilan dan buruh kasar juga mendapat perhatian wartawan akhbar. Sila lihat Jadual 4.

**Jadual 4: Pemilihan sumber pilihan bernyawa oleh wartawan**

Jenis	Kekerapan oleh	Peratus
Mangsa	14	22.9
Pelajar	4	6.6
Tertuduh	4	6.6
Pekerja	9	14.7
Orang Asing	4	6.6
Sumber Rahsia	26	42.6
<b>Jumlah</b>	<b>61</b>	<b>100.0</b>

$$X^2 = 41.96, DK = 5, \text{ Paras Keertian} = 0.001$$

**Soalan Kajian 2(c): Apakah jenis sumber pilihan tidak bernyawa yang menjadi pilihan wartawan?**

Dalam menganalisis data ini, pengkaji telah menggunakan 44 sampel jenis sumber pilihan tidak bernyawa yang dikodkan ke dalam tujuh sub-kategori di bawah kategori sumber pilihan tidak bernyawa. Lihat Jadual 5.

Pengkaji menggunakan ujian khi-kuasa dua yang didapati signifikan. Maksudnya, terdapat perbezaan signifikan antara sub-subkategori dalam kategori sumber pilihan tidak bernyawa. Ringkasnya, sumber pilihan tidak bernyawa yang banyak digunakan dalam halaman pertama keempat-empat akhbar yang dikaji ialah agensi berita. Laporan agensi berita dipetik oleh wartawan dan diolah semula menjadi berita. Seterusnya, akhbar dipilih sebagai sumber pilihan tidak bernyawa yang kedua penting dan diikuti oleh laporan agensi kerajaan ataupun swasta.

**Jadual 5: Pemilihan sumber pilihan tidak bernyawa oleh wartawan**

Jenis	Kekerapan olehan	Peratus
Agensi Berita	16	36.4
Akhbar	13	29.5
Majalah/Buku	4	9.1
Radio/TV	4	9.1
Laporan	7	15.9
<b>Jumlah</b>	<b>44</b>	<b>100.0</b>

$$\chi^2 = 30.68, \text{ DK} : 6, \text{ Paras Keertian} = 0.01$$

**Soalan kajian 3: Apakah jenis status sumber?**

Dalam menganalisis status pekerjaan sumber dalam organisasi, pengkaji menganalisis 288 sumber yang telah dapat dikenal pasti kelas pekerjaan berdasarkan tiga kategori umum status pekerjaan dalam sesuatu organisasi. Daripada 288 sumber berita yang dikenal pasti, 200 sumber terdiri daripada sumber dalam kategori pengurusan, 86 sumber dalam kategori profesional, dan 2 sumber dalam kategori sokongan. Sila lihat Jadual 6, scjumlah 132 sumber berita telah ditolak daripada analisis memandangkan terdapat setengah-setengah sumber terdiri daripada dokumen.

Pengkaji telah menggunakan ujian statistik khi-kuasa dua yang didapati signifikan. Penemuan ini menunjukkan bahawa wartawan dalam melaporkan berita sehari-hari memilih sumber yang paling tinggi dalam struktur kelas sesuatu organisasi itu. Pemilihan golongan pengurusan berkait rapat dengan golongan ini yang merupakan pembuat dasar (decision makers) dalam sesuatu organisasi itu. Selepas itu, golongan profesional pula menjadi pilihan kedua wartawan dan golongan sokongan merupakan sumber paling rendah sekali. Pemilihan sumber profesional sebagai sumber pilihan kedua berkait rapat dengan pengetahuan khusus golongan ini dalam sesuatu bidang itu.

**Jadual 6: Perbezaan kekerapan status pekerjaan sumber dalam sesuatu organsiasi**

Jenis	Kekerapan olehan	Peratus
Pengurusan	200	69.5
Profesional	86	29.8
Sokongan	2	0.7
<b>Jumlah</b>	<b>288</b>	<b>100.0</b>

$$\chi^2 = 10.103, ** \text{ DK} = 2$$

## Rumusan

Kajian ini mengemukakan bukti-bukti yang nyata bahawa kuasa yang dimiliki oleh seseorang itu dalam masyarakat mampu menpengaruhi cara pemilihan sumber di kalangan wartawan keempat-empat akhbar. Elemen "kuasa" yang ditinjau daripada jenis sumber yang dipilih oleh wartawan menunjukkan golongan terpilih yang paling banyak sekali digunakan sebagai sumber dalam sesuatu berita itu. Sumber terpilih yang terdiri daripada mereka yang berupa golongan elit dalam bidang sosial, ekonomi, politik dan budaya seperti yang ditemui oleh Gans (1980) bagi media di Amerika Syarikat membuktikan bahawa amalan penggunaan sumber terpilih juga menjadi amalan para wartawan di negara ini. Trend yang sama ini berkait rapat dengan pengaruh kewartawanan Barat khususnya dari Amerika Syarikat yang telah sejauh lama menular di kalangan wartawan di Malaysia. Walaupun kebebasan wartawan di negara ini tidak "seluas" di Amerika, tetapi mereka tetap diberi pilihan dalam menentukan sumber berita.

Jelas daripada data dalam Jadual 2, bahawa golongan elit tetap menjadi pilihan wartawan. Golongan berkuasa ini menarik kerana sebagai pemegang tampuk "kekuasaan", setiap tindak tanduk golongan ini sememangnya menjadi perhatian orang ramai. Orang ramai mahu mengetahui apakah yang telah diputuskan dan dilaksanakan oleh golongan elit ini. Begitu juga "peneropongan" wartawan terhadap tindak tanduk golongan elit ini sejajar dengan amanah dan tanggungjawab yang dipikul oleh golongan wartawan sebagai pemerhati kerajaan. Penemuan bahawa para pegawai kerajaan sering menjadi pilihan utama wartawan di kalangan sumber-sumber terpilih bukan sesuatu yang memerlukan pengkaji. Malah, penemuan ini sememangnya dijangkakan. Bilangan anggota kerajaan yang lebih besar, dan kuasa yang dipegang oleh golongan ini untuk menentukan hala cara negara, menjadikan mereka ini sebagai sumber terbaik bagi wartawan. Sila lihat rujuk Jadual 2 dan 3.

Seterusnya penemuan kajian ini menunjukkan bahawa wartawan di negara ini memang bergantung kepada sumber dari *beat-beat*, tempat mereka ditugaskan oleh majikan untuk mendapat berita secara tetap. *Beat-beat* berita yang kerap menjadi turpuan wartawan ialah dewan-dewan bandar raya, kompleks-kompleks kerajaan, majlis-majlis daerah, balai-balai polis, dan mahkamah. Wartawan yang bertugas di *beat* ini mengunjunginya setiap hari dan ada ketikanya mereka mewujudkan semangat keakraban dengan petugas-petugas di pejabat kerajaan tersebut. Cara ini bukan sahaja disengajakan tetapi menepati keperluan kerja seseorang wartawan itu. Wartawan sering kali diminta memperoleh sekurang-kurangnya sebuah berita pada setiap hari. Tiada cara lain yang lebih mudah untuk mendapatkan berita kecuali berbaik-baik dengan para petugas itu.

Di samping itu, "kekuasaan" tetap menjadi ciri terpenting sesuatu sumber itu apabila ditinjau dari status seseorang sumber dalam masyarakat. Sumber yang terdiri daripada status pengurusan, yang terdiri daripada mereka yang membuat keputusan tentang sesuatu dasar dalam sesuatu organisasi, tetap menarik perhatian wartawan (sila lihat Jadual 6).

Keadaan ini menunjukkan wartawan di negara ini tidak mengamalkan perspektif yang lebih meluas dalam memilih sumber bagi bahan tulisan mereka. Mereka lebih mudah mengikuti apa yang dinyatakan oleh sumber terpilih dan tidak berusaha untuk memberikan perspektif seimbang sejajar dengan komposisi anggota sesuatu masyarakat. Mereka tidak banyak berpandukan tatasusila kewartawanan yang jelas menggalakkan liputan berita yang adil dan saksama. Dalam konteks ini apa yang menarik ialah bilangan sumber yang paling banyak digunakan oleh wartawan ialah satu untuk setiap berita. Ini menunjukkan wartawan di keempat-empat akhbar harian ini bersifat pasif dalam pengumpulan berita.

### Perbincangan

Sifat golongan elit yang lebih menonjol di dalam masyarakat dan di mata wartawan menjadikan mereka ini sebagai sumber yang lazim digunakan oleh wartawan. Begitu juga, wartawan yang “terikat” kepada sistem *beat* terpaksa melaporkan berita daripada *beat* berkenaan. Malah satu ungkapan yang kini sudah menjadi klise, “no news means bad news” di kalangan wartawan mungkin dapat dirujuk. Wartawan yang bertugas dalam sesuatu beat “mesti” menghasilkan sekurang-kurangnya satu berita sehari. Sekiranya pemberita itu kembali dengan tangan kosong, editor akan menganggap ia tidak mempunyai inisiatif.

Inisiatif di sini sepatutnya dilihat dalam konteks mencari berita daripada sumber-sumber yang bukan bersifat sumber terpilih yang bersifat lazim. Keadaan ini berkait rapat dengan sifat bahawa setiap manusia itu mempunyai nilai berita. Sejauh mana nilai berita itu besar atau kecil bergantung kepada cara pengolahan seseorang wartawan itu. Walau bagaimanapun, apa yang pasti daripada hasil kajian ini, terdapat bukti-buktii bahawa wartawan di keempat-empat akhbar nasional ini mengambil jalan mudah dalam liputan berita sehari-hari. Mereka lebih kerap menggunakan sumber berbentuk golongan elit dalam masyarakat. Mereka ini mungkin sahaja “memimpin” dalam sektor ekonomi, politik, sosial maupun budaya seperti yang telah ditemui oleh Gans dalam kajian tentang sumber berita di Amerika Syarikat.

Sumber-sumber terpilih ini difikirkan menjadi pilihan utama wartawan memandangkan para pengamal profesion ini bertugas di bawah tekanan waktu. Sumber-sumber terpilih telah sedia maklum akan perkara ini, maka mereka menyesuaikan keperluan wartawan dengan keperluan peribadi mereka. Wartawan di sini bukan sahaja memerlukan sumber untuk berita, tetapi sumber juga memerlukan wartawan untuk menghebahkan diri atau idea atau dasar atau organisasinya kepada masyarakat.

Di sini timbul persoalan tentang saling bergantungan wartawan dengan sumber yang terletak di luar batas-batas kajian ini yang mungkin boleh menjadi bahan kajian pada masa depan. Siapakah yang bergantung kepada siapa? Seterusnya, kajian ini juga menunjukkan bahawa akhbar-akhbar ini telah terus mengesahkan (endorse) “kuasa” yang dimiliki oleh golongan elit dalam masyarakat. Mereka ini mendapat liputan luas di kalangan wartawan-wartawan tempatan.

## Rujukan

- Algraawi, M. A. & Culberston, H. M. 1987. Relation between attribution specificity and accessibility to news sources. *Journalism Quarterly* 64 : 799-804.
- Berelson, B. 1952. *Content analysis in communication research*. Glencoe, Illinois: The Free Press Publishers.
- Brown, J. D., Bybee, C. R., Wearden, S. T., & Straughan, D. M. 1987. Invisible powers: newspaper news sources and the limits of diversity. *Journalism Quarterly* 64: 45-54.
- Burriss, L. L. 1985. Accuracy of news magazine as perceived by news sources. *Journalism Quarterly* 62: 824-827.
- Culbertson, H. M. (1975). Veiled news sources — who and what are they? *News Research Bulletin* of the American Newspaper Publishers Association, May. 2-23.
- Gans, H. J. 1980. *Deciding what's news: A study of CBS Evening News, NBC Nightly News, Newsweek, and Time*. New York: Vintage Books.
- Hinkle, D. E., Wiersma, W. dan Jurs, S. G. 1988. *Applied statistics for the behavioral sciences*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Holsti, Ole R. 1969. *Content analysis for the social sciences and humanities*. Reading, Massachusetts: Addison-Wesley Publishing Company.
- Manoff, R. K. & Schudson, M. 1987. Reading the news. Dalam R. K. Manoff & M. Schudson (ed.). *Reading the News*. New York: Pantheon Books.
- McQuail, D. 1987. *Mass communication theory: An introduction*. 2nd. ed. Beverly Hills, California: Sage Publication.
- Mohd. Dhari Othman. 1990. *Kewartawan Malaysia 1800-1900*. Bangi: Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Riffle, D. 1980. Relative credibility revisited: How 18 unnamed sources are rated. *Journalism Quarterly* 57: 618-623.
- Salwen, M. B. 1987. Credibility of newspaper opinion polls, source, source intent and precision. *Journalism Quarterly* 64: 813 - 819.

- Samad Ismail, A. 1992. Pengluasan Jurnalisme Berbahasa Melayu. Seminar anjuran Institut Bahasa, Kebudayaan, dan Kesusastraan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 18 April 1992.
- Shepherd, R. G. 1981. Selectivity of sources: Reporting the Marijuana Controversy." *Journal of Communication* 31: 129-137.
- Sigal, L. V. 1973. *Reporters and officials: The organization and politics of newsmaking*. Lexington, Massachusetts: D. C. Heath and Co.
- Sigal, L. V. 1987. Sources Make the News. Dalam R. K. Manoff & M. Schudson (eds.). *Reading the News*. New York: Pantheon Books.
- Stempel, Guido H., III 1952. Sample size for classifying subject matters in dailies. *Journalism Quarterly* 29: 333-334.
- Stempel, Guido H. 1989. Content Analysis. Dalam G. H. Stempel & B. H. Westley. *Research methods in mass communications*. 2nd ed. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Strentz, H. 1989. *News reporters and news sources*. 2nd. ed. Ames, Iowa: Iowa State University Press.
- Tuchman, G. 1978. *Making news: A study in the construction of reality*. New York: The Free Press.